

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
2018

**HARI RABU : 5 DISEMBER 2018**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [ BESUT ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO.2**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kedudukan semasa ranking global Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) negara dan apakah ukuran yang digunakan bagi mengenal pasti prestasi pendidikan tinggi negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ranking Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) adalah penting tetapi bukan menjadi matlamat utama sesebuah IPT. Sebaliknya IPT perlu membuat perancangan dan memberi fokus kepada meningkatkan kualiti graduan, kualiti institusi dan kualiti keseluruhan sistem.

Berdasarkan perancangan tersebut, universiti awam telah berjaya meningkatkan kedudukan ranking global di seperti yang dilaporkan oleh *QS World University Rankings 2019*. Kedudukan Universiti Malaya telah meningkat dari kedudukan ke 114 pada tahun 2018 kepada kedudukan ke 87 pada tahun 2019, Universiti Kebangsaan Malaysia meningkat dari kedudukan ke 230 pada tahun 2018 kepada kedudukan ke 184 pada tahun 2019, Universiti Putra Malaysia meningkat dari kedudukan ke 229 pada tahun 2018 kepada kedudukan ke 202 pada tahun 2019, Universiti Sains Malaysia meningkat dari kedudukan ke 264 pada tahun 2018 kepada kedudukan ke 207 pada tahun 2019 dan Universiti Teknologi Malaysia meningkat dari kedudukan ke 253 pada tahun 2018 kepada kedudukan ke 228 pada tahun 2019.

Prestasi universiti di dalam bidang penyelidikan diukur melalui kualiti penyelidikan dan kajian yang dilaksanakan. Hasil penyelidikan yang berkualiti akan diterbitkan di dalam jurnal-jurnal berprestij dan sering dirujuk oleh penyelidik disemua peringkat. Selain itu, jaringan dan kolaborasi serta pengiktirafan antarabangsa juga antara kayu ukur untuk mengukur prestasi pendidikan tinggi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO. 4**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Lapangan Terbang Pengkalan Chepa berpotensi dijadikan Bandaraya Aeropolis pada masa hadapan. Apakah Kerajaan bersetuju bahawa Kerajaan sebelum ini telah mendiskriminasikan Kelantan dalam soal pembangunan infra seperti yang berlaku kepada Lapangan Terbang Pengkalan Chepa.

**JAWAPAN**

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) Kota Baharu, Kelantan bertindak sebagai *feeder* atau sokongan kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan merupakan lapangan terbang domestik kedua yang paling sibuk selepas Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang. Lapangan terbang ini mengendalikan 171 operasi penerbangan seminggu.
2. Pada masa ini, Kerajaan hanya memfokuskan kepada pembangunan KLIA Aeropolis yang telah dikenal pasti sebagai salah satu daripada teras strategik dalam pelan perniagaan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Zon pembangunan KLIA Aeropolis ini adalah berkeluasan 10 km x 10 km atau 22,270 ekar yang merangkumi tiga kluster utama iaitu Kargo Udara dan Logistik, Pusat Perniagaan dan Industri Aeroangkasa serta Pusat Pelancongan dan MICE (*Meeting, Incentive, Conference and Event*). Pembangunan KLIA Aeropolis ini dijangka dapat menjana 208,300 peluang pekerjaan pada tahun 2055 dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terkumpul sebanyak RM319 bilion menjelang tahun 2060.
3. Dalam hubungan ini, cadangan pembangunan aeropolis di LTSIP dan lain-lain lapangan terbang akan dipertimbangkan pada masa hadapan setelah KLIA Aeropolis berjaya mencapai sasarannya.
4. Kementerian Pengangkutan akan terus memantau prestasi pengendalian penumpang, kargo dan pergerakan pesawat di semua lapangan terbang negara dan akan memastikan ia memenuhi permintaan sedia ada. Dalam hubungan ini, tertakluk kepada kedudukan kewangan negara, tumpuan akan diberikan kepada projek menaik taraf atau meningkatkan kemudahan infrastruktur di lapangan terbang yang lebih kritikal dan telah mencapai had kapasitinya. Kerajaan Pakatan Harapan tidak akan mendiskriminasi mana-mana negeri di Malaysia termasuk Kelantan dalam soal pembangunan lapangan terbang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**  
**[ SELAYANG ]**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO. 5**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kesesakan di hospital-hospital Kerajaan terutamanya penggunaan wad kecemasan untuk kes-kes bukan kecemasan.

.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Jabatan Kecemasan dan Trauma adalah merupakan salah satu pintu masuk utama bagi kemasukan pesakit ke hospital. Setiap pesakit yang mengunjungi Jabatan ini, akan disaring menggunakan sistem *Malaysian Triage Category* bagi menilai tahap ketenatan pesakit. Ia terbahagi kepada tiga kategori iaitu Merah (kritikal), Kuning (separa kritikal) dan Hijau (tidak kritikal). Proses saringan ini amat penting untuk memastikan pesakit mendapat rawatan yang sewajarnya pada masa yang ditetapkan dan bukan berdasarkan konsep "*first come first served*".

Jabatan Kecemasan dan Trauma juga dikunjungi pesakit kes bukan kecemasan seperti demam biasa, selesema, sakit kulit dan sebagainya.

Bagi mengatasi masalah kesesakan kes-kes bukan kecemasan, KKM telah mengambil langkah memberi kesedaran kepada masyarakat tentang penyalahgunaan Jabatan Kecemasan dan Trauma melalui saluran media seperti elektronik, cetakan dan juga media sosial.

Di samping itu, Klinik Rawatan Selepas Waktu Pejabat juga telah diwujudkan bagi mengurangkan kesesakan kes-kes yang bukan kecemasan di Zon Hijau Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital berdekatan. Buat masa ini terdapat 73 buah klinik kesihatan yang sedang menjalankan *extended hours* yang telah dimulakan sejak tahun 2008. Penambahan bilangan klinik *extended hours* dibuat dari masa ke semasa mengikut keperluan setempat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pelbagai inisiatif diambil oleh KKM dalam usaha menangani isu kesesakan di Jabatan Kecemasan seperti:

- 1) Mengaplikasikan *Lean Healthcare* yang melihat kepada keseluruhan proses kerja bagi mengurangkan aktiviti yang tiada

## NO SOALAN: 5

nilai tambah demi meningkatkan kecekapan. Ini membantu memendekkan masa menunggu sekaligus mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan dan klinik-klinik pakar. Aktiviti penambabaikan yang dilakukan menerusi inisiatif ini menyasarkan pengurangan waktu menunggu untuk berjumpa doktor, bermula dari kaunter pendaftaran sehinggalah pesakit mengambil ubat di farmasi, dan juga masa menunggu katil untuk pesakit yang perlu dimasukkan ke wad dari Jabatan Kecemasan;

- 2) Mempertingkatkan dan memperluaskan perkhidmatan Rawatan Harian ke hospital-hospital seluruh negara;
- 3) Melaksanakan perkhidmatan pembedahan elektif pada Hari Sabtu bertujuan mengurangkan masa menunggu pembedahan terutamanya kes-kes pembedahan;
- 4) Pelaksanaan Hospital Kluster yang membolehkan pesakit luar bandar menerima rawatan kepakaran tanpa perlu dirujuk ke hospital pakar dan menunggu lebih lama untuk dilihat oleh doktor pakar;
- 5) Memperkenalkan langkah-langkah untuk mengurangkan masa menunggu tuntutan ubat terutamanya di kalangan pesakit yang perlu mengambil ubatan susulan di hospital-hospital kerajaan, seperti:
  - i. Sistem pembekalan ubat-ubatan (SPUB) yang membolehkan pesakit mendapatkan baki bekalan ubat seterusnya dari mana-mana fasiliti kesihatan KKM yang tersenarai dalam Direktori SPUB KKM melalui sistem rujukan yang seragam di seluruh negara. Pesakit boleh memilih untuk mengambil ubat di fasiliti kesihatan yang lebih hampir dengan rumah tanpa perlu ke hospital yang sesak dan menunggu lama;



## **NO SOALAN: 5**

- ii. Perkhidmatan Ubat Melalui Pos 1Malaysia (UMP 1Malaysia) bagi membekalkan ubat susulan terus ke lokasi pilihan pesakit melalui pos dengan caj kiriman yang telah ditetapkan bagi mereka yang memenuhi kriteria tertentu; dan
- iii. Perkhidmatan Sistem Temujanji yang membolehkan pesakit menggunakan medium seperti telefon, SMS, e-mel, faks dan juga kad temujanji untuk memaklumkan tarikh temujanji bagi mendapatkan bekalan ubat susulan pesakit. Ubat-ubatan pesakit akan disediakan sekurang-kurangnya beberapa hari sebelum tarikh temujanji. Pesakit boleh mendapatkan ubat sama ada daripada kaunter ataupun farmasi pandu lalu yang terdapat di hospital yang terlibat.

**SOALAN NO : 6**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU  
JAAFAR**

**KAWASAN : SANTUBONG**

**TARIKH : 05 DISEMBER 2018, RABU**

**SOALAN :**

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa Lebuhraya Pan Borneo akan dibuat "*single-lane traffic*" dan bertahap jalan R3 dari Kuching hingga ke Sabah, dan laluan ke Sabah sama ada menerusi Brunei atau *by-pass* Brunei, dan sudahkah dibincang dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah, kalau belum, bila.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Lebuhraya Pan Borneo (LPB) di Sabah dan Sarawak yang dilaksanakan secara berfasa. Pada masa kini pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo melibatkan cadangan 11 pakej dalam Fasa 1 LPB Sarawak dan 12 pakej daripada 35 pakej keseluruhan Fasa 1 LPB Sabah. Kesemua pakej yang dilaksanakan itu dibina mengikut rekabentuk piawaian JKR R5, 4 lorong 2 hala atau *dual carriageway* kecuali jajaran Telok Melano ke Sematan yang dibina dengan spesifikasi 2 lorong 2 hala (*dual carriageway*) tetapi masih mengekalkan piawaian JKR R5. Bagi spesifikasi jajaran Fasa 2, perkara ini akan dimuktamadkan di Makmal Pengurusan Nilai setelah penentuan jajaran dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Berhubung Fasa 2 Lebuhraya Pan Borneo Sarawak di Limbang dan Lawas, Kerajaan sedang meneliti jajaran terbaik yang tidak melalui Negara Brunei Darussalam. Penelitian tersebut turut mengambil kira pandangan Kerajaan Negeri dan akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL**  
**[ SEKIJANG ]**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO.7**

**Puan Hajah Natrah binti Ismail [ Sekijang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani isu bilangan golongan gelandangan yang semakin bertambah sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu gelandangan, Kementerian mengambil pendekatan secara menyeluruh (*holistic*) dengan penglibatan pelbagai Kementerian dan agensi (*multi-sectoral*). Kementerian akan terus memperkemas dan memperkukuhkan lagi tindakan bersepadu pelbagai agensi yang telah dilaksanakan sebelum ini bagi memastikan bilangan golongan gelandangan dapat dikurangkan.

Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi menangani isu golongan gelandangan adalah :

1. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan operasi menyelamatkan pengemis dan peleser berdasarkan peruntukan di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977 [Akta 183] dan memberikan bantuan yang bersesuaian dan menempatkan semula di bawah jagaan waris. Manakala yang tidak mempunyai waris bagi berumur di bawah 60 tahun akan ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD) dan pengemis yang berumur 60 tahun dan ke atas pula ditempatkan di Rumah Seri Kenangan (RSK) bagi tujuan perlindungan dan pemulihan.
2. Kementerian juga telah mengambil inisiatif menubuhkan Anjung Singgah yang ditadbir oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN). Anjung Singgah merupakan sebuah pusat khidmat bantuan sosial dan intervensi yang diwujudkan bertujuan membantu golongan gelandangan. ( *Maklumat lanjut boleh dirujuk melalui jawapan YBTM semalam [hansard bertarikh 4 Disember 2018] ).*

Bagi golongan Orang Papa, terdapat tiga jenis operasi menyelamatkan pengemis ada yang dijalankan iaitu;

- i. **Operasi Berkala** – Operasi dilakukan secara berjadual / berkala di kawasan-kawasan yang didapati menjadi tumpuan pengemis.
- ii. **Operasi Bersepadu** - Operasi dilakukan secara bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan seperti

## SOALAN NO.7

Jabatan Imigresen, Polis Di Raja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kesihatan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Pendaftaran Negara dan sebagainya.

- iii. **Operasi Ad-Hoc** - Operasi dilakukan apabila terdapat **aduan daripada orang awam** sama ada melalui panggilan telefon ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Talian Kasih (15999) atau datang sendiri ke pejabat Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan sebagainya.

Setakat ini, bilangan operasi menyelamatkan orang papa sehingga Jun 2018 seperti berikut:

| Jenis Operasi       | Bilangan |
|---------------------|----------|
| Bersepadu           | 169      |
| Berjadual / Berkala | 583      |
| Aduan / Ad-Hoc      | 578      |

*(Seramai 1,439 adalah warganegara manakala seramai 452 adalah bukan warganegara)*

Bagi kes Orang Papa mengikut faktor utama, majoriti daripada mereka adalah tiada pekerjaan, tiada tempat tinggal, ketidakupayaan mental, ketidakupayaan selain mental, ketagih dadah, sakit melarat dan lain-lain.

Faktor-faktor kumpulan yang datang ke anjung singgah ialah seperti berikut;

- i) Tidak mempunyai pekerjaan untuk meneruskan kehidupan. (31%)
- ii) Tidak berkemampuan menyewa rumah/bilik untuk meneruskan kehidupan. (30.59%)
- iii) Terkandas atas faktor kehilangan pekerjaan/penipuan agen pekerjaan. (19%)
- iv) Individu yang dihalau dari rumah. (11.7%)
- v) Ditipu agensi pekerjaan. (5%)

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi golongan yang tidak mengemis yang melawat ke Anjung Singgah, Sebanyak 8,015 sesi bimbingan dan kaunseling sama ada kaunseling individu, kelompok, kaunseling keluarga dan kaunseling kerjaya telah dijalankan di Anjung Singgah. Penekanan diberikan dalam aspek kaunseling dan motivasi ini bertujuan sebagai persediaan awal bagi meningkatkan daya tahan dan daya juang dalam mengharungi cabaran kehidupan. Sesi kaunseling dan motivasi dikendalikan oleh kaunselor bertaualiah yang berdaftar dari Lembaga Kaunselor Malaysia.

Sehingga Oktober 2018 seramai 6,570 orang gelandangan telah mendaftar masuk dan menerima perkhidmatan di Anjung Singgah secara sukarela dan seramai 4,890 orang telah mendapat padanan kerjaya dan selebihnya telah dirujuk ke Agensi yang berkaitan dan pulang ke kampung halaman.

Sehingga November 2018, sebanyak 186 rakan Anjung Singgah yang terdiri daripada Agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Syarikat Korporat, Pelajar IPTA/IPTS dan orang awam telah bersama-sama membantu gelandangan melalui sumbangan makanan, keperluan peribadi dan program motivasi di Anjung Singgah seluruh negara. Seramai 1,941 orang telah keluar daripada pusat tersebut setelah mendapat pekerjaan, dirujuk ke Anjung Singgah untuk sesi kaunseling, pulang ke pangkuan keluarga dan dirujuk ke institusi kebajikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 12 orang bekas gelandangan telah mendapat pekerjaan dalam bidang keselamatan melalui syarikat yang berdaftar dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Selain itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) yang terletak di Jalan Raja Muda Abdul Aziz telah ditubuhkan bagi memastikan keperluan akses pendidikan kepada kanak-kanak jalanan di sekitar Kuala Lumpur.

Objektif utama penubuhan SBJK ialah:

- i) Menyediakan akses pendidikan formal dalam persekitaran yang kondusif bagi kanak-kanak jalanan dan terpinggir.
- ii) Mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan penduduk Malaysia.
- iii) Memberi peluang membentuk laluan kerjaya kepada kanak-kanak jalanan dan terpinggir.
- iv) Membina insan yang berilmu, berkemahiran dan boleh berdikari.

*(Jumlah kanak-kanak di SBJK adalah Seramai 157 orang dan berumur antara 4 hingga 19 tahun)*

Tuan Yang di-Pertua,

Secara rumusannya berdasarkan perbincangan bersama kakitangan yang bekerja di Anjung Singgah, trend golongan yang datang ke Anjung Singgah seramai 38 peratus adalah yang berumur antara 18 hingga 30 tahun (golongan muda). Pihak kami juga mendapati bahawa antara mereka ramai yang datang dari kawasan luar bandar. Apabila mereka tamat pelajaran, mereka memaklumkan kepada keluarga untuk datang ke Kuala Lumpur untuk mencari pekerjaan. Namun begitu apabila golongan remaja ini sampai di Kuala Lumpur, mereka tidak dapat mencari pekerjaan dan tidak tahu bagaimana untuk menghadapi/berterus terang kepada keluarga masing-masing seterusnya merayau di sekitar Kuala Lumpur akibat tidak dapat pulang semula ke kampung. Oleh yang demikian, fokus di Anjung Singgah adalah untuk memberi bimbingan (*job matching*) dan menghantar mereka balik ke kampung masing-masing. Saya ingin mengambil peluang untuk memaklumkan kepada golongan ini sekiranya anda berada di Kuala Lumpur dan tidak dapat mencari pekerjaan, boleh singgah ke Anjung Singgah untuk dibantu. Manakala bagi syarikat-syarikat yang ingin menawarkan pekerjaan boleh juga hadir ke Anjung Singgah untuk diadakan *job matching* untuk mereka.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG HON WAI  
[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 05 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO. 9**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan kapasiti untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) sedia ada direkabentuk untuk menampung pengendalian 6.5 juta penumpang setahun. Namun jumlah penumpang yang dikendalikan pada tahun 2017 di LTAPP telah mencapai sebanyak 7.2 juta penumpang iaitu 111% daripada kapasiti sedia ada.
2. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan komited untuk menyelesaikan masalah kekurangan kapasiti di LTAPP. Kementerian Pengangkutan sedang mempertimbangkan beberapa opsiyen untuk memperbesarkan LTAPP dengan meneroka beberapa pilihan termasuk membangunkan ruang tambahan untuk operasi syarikat penerbangan perkhidmatan penuh dan penerbangan tambang murah di bangunan terminal sedia ada. Pembangunan ruang tambahan ini akan meningkatkan kapasiti pengendalian terminal LTAPP daripada 6.5 juta penumpang kepada 12 juta penumpang setahun.
3. Bagi menampung kos pembesaran LTAPP, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan bersama-sama MAHB sedang mengkaji model pembangunan dan kaedah pembiayaan yang sesuai agar projek pembesaran ini dapat dilaksanakan dengan cara yang cost effective.

Sekian, terima kasih

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI  
HABIBOLLAH [ LIMBANG ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN : 10**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan dapatkah Kementerian menyambung bekalan elektrik ke Kampung Bulantak yang terletak di Teluk Brunei dan yang juga satu-satunya sahaja kampung yang belum dibekalkan bekalan elektrik dari grid.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semakan dari senarai kampung yang belum mendapat bekalan elektrik di negeri Sarawak yang dikeluarkan oleh Kementerian Utiliti Sarawak (KUS) mendapati Kampung Bulantak tiada dalam senarai tersebut.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telah memaklumkan permohonan ini kepada Kementerian Utiliti Sarawak (KUS) selaku pihak yang bertanggungjawab di dalam perancangan pembekalan elektrik di negeri Sarawak dan semakan telah dibuat oleh pihak Sarawak Energy Berhad (SEB) dan mendapati kampung tersebut yang mempunyai 14 buah rumah dan satu surau boleh disambung melalui talian grid.

Kementerian akan berbincang dengan pihak KUS berhubung perancangan pelaksanaan projek BELB di kampung ini pada mesyuarat bersama KUS pada Januari 2019.

SOALAN NO: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA PENGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN

TARIKH : 05 DISEMBER 2018

SOALAN :

**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan perancangan dan insentif Kerajaan Persekutuan baharu untuk menggalakkan kepulangan golongan profesional asal Malaysia dari luar negara.

PR-1412-L02193

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian ini melalui Talent Corporation Malaysia Berhad (*TalentCorp*) telah ditubuhkan pada Januari 2011 dengan mandat untuk memupuk, menarik dan mengekal modal insan berkemahiran tinggi bagi memacu pembangunan dan perkembangan ekonomi negara. Pada masa yang sama, ia juga bertujuan untuk menggalakkan migrasi pengetahuan dan kepakaran dalam melahirkan tenaga kerja tempatan yang bertaraf dunia.

2. Para profesional yang kembali ke tanah air melalui *Returning Expert Program (REP)* telah membawa pulang pengetahuan, kemahiran dan jaringan profesional mereka di luar negara dengan mengisi pelbagai jawatan penting dalam organisasi di Malaysia. Antara jawatan-jawatan yang disandang adalah termasuk Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ketua Pegawai Kewangan (CFO), Ketua Pegawai Teknologi (CTO), pakar perubatan di hospital Kerajaan dan swasta, profesor di institusi pengajian tinggi dan sebagainya.

3. Pelaksanaan REP juga telah melalui beberapa fasa penambahbaikan bagi memastikan kualiti modal insan berkemahiran tinggi yang diluluskan adalah selaras dengan keperluan semasa industri dan ekonomi negara. Melalui penambahbaikan pelaksanaan

REP juga, lebih 4900 modal insan berkemahiran tinggi telah diluluskan di bawah program ini sehingga bulan September 2018.

4. Usaha TalentCorp juga tidak terhad kepada pelaksanaan REP sahaja bahkan ianya turut merangkumi pendekatan untuk menghubungkan tenaga kerja mahir Malaysia di luar negara dengan peluang pekerjaan tersedia dalam negara. Pendekatan ini juga selaras dengan laporan Bank Dunia seperti di atas yang menyatakan bahawa rakyat Malaysia yang telah mendapat pekerjaan lebih cenderung untuk pulang ke Malaysia.

5. Di samping itu, sesi temu seru di luar negara juga turut diadakan terutamanya di negara yang dikenal pasti mempunyai populasi rakyat Malaysia yang tinggi. Sesi temu seru ini diadakan dengan keterlibatan syarikat Malaysia dengan matlamat untuk mengetengahkan peluang-peluang pekerjaan profesional yang terbuka luas di Malaysia.

6. Menyedari bahawa kejayaan REP banyak dipengaruhi oleh faktor luaran (contoh: keadaan ekonomi negara, kadar tukaran mata wang, sistem pendidikan, status kewarganegaraan ahli keluarga), baru-baru ini TalentCorp telah mengambil langkah strategik dengan memperkenalkan Program Diaspora Perantauan Profesional Malaysia atau lebih dikenali sebagai KNOWMADS untuk memudahkan cara para profesional yang kini berada di perantauan untuk masih

memberikan sumbangan dan berkongsi kepakaran mereka untuk pembangunan negara melalui pendekatan-pendekatan berikut:

- i. Perkongsian, pertukaran dan pemindahan ilmu pengetahuan, kemahiran, teknologi dan kajian dalam bidang pembelajaran dan pertumbuhan utama negara;
- ii. Memudah cara jaringan perhubungan untuk memacu lebih banyak sumbangan dari diaspora;
- iii. Mewujudkan ruang perniagaan melalui perkongsian, usaha sama dan peluang pelaburan;
- iv Platform perkongsian hasil kajian dan syor-syor penambahbaikan berkaitan dengan sektor utama ekonomi; dan
- v. Khidmat rundingan profesional dan maklumat dalam bidang kepakaran masing-masing.

7. Pelaksanaan program dan inisiatif yang diterajui TalentCorp dikategorikan berdasarkan tiga pecahan segmen bakat dalam usaha mengurangkan jurang perbezaan kemahiran selaras dengan keperluan pasaran (*market-driven*) dalam memacu ekonomi iaitu:

- i. Pertamanya, tenaga bakat dalam negara yang merangkumi pelaksanaan *Scholarship Talent Attraction & Retention* (STAR) – (turut merangkumi pemegang biasiswa di luar negara), Latihan Industri Berstruktur (*Structured Internship Programme*), *Nurturing Expert Talent* (NEXT) *Upskilling*,

Program Penglibatan Kembali Wanita dalam Kerjaya (*Career Comeback Programme*) dan pelaksanaan *Work-Life Practices (WLPs)*;

- ii. Keduanya, tenaga bakat profesional Malaysia di luar negara yang merangkumi pelaksanaan inisiatif *Scholarship Talent Attraction & Retention (STAR)*, Program Kepulangan Pakar (*Returning Expert Programme - REP*), Program Diaspora Perantauan Profesional Malaysia (KNOWMADS); dan
- iii. Ketiganya, tenaga bakat asing berkemahiran tinggi yang merangkumi pelaksanaan Pas Residen-Bakat (*Residence Pass-Talent – RP-T*).



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA**  
**[TASEK GELUGOR]**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO. 12**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengekang lambakan produk kesihatan yang tidak berdaftar dan meragukan.

.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan produk-produk kesihatan dan ubat-ubatan yang dipasarkan di Malaysia berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebelum dijual kepada orang awam. Kawalan ini bertujuan untuk memastikan hanya produk yang berkualiti, selamat dan berkesan sahaja dijual untuk kegunaan orang ramai.

Bagi mengekang penjualan produk-produk kesihatan tidak berdaftar dan meragukan, pihak kementerian menjalankan tindakan pemeriksaan dan operasi serbuan secara berterusan ke atas premis-premis pengeluar atau penjual ubat-ubatan yang disyaki tidak berdaftar berdasarkan pengesahan ke atas aduan yang diterima daripada orang awam. Syarikat atau individu yang didapati memiliki atau menjual ubat-ubatan tidak berdaftar akan disiasat dan didakwa di mahkamah di bawah Akta Jualan Dadah 1952.

Jika sabit kesalahan, individu yang melakukan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya. Bagi syarikat yang melakukan kesalahan, boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

Selain itu, Kementerian juga menjalankan aktiviti persampelan produk di pasaran, pemantauan penjualan produk dalam talian, pemantauan pengiklanan melalui media massa dan cetak, pemeriksaan rutin ke atas premis-premis penjualan produk kesihatan dan aktiviti saringan di pintu masuk negara bersama pihak Kastam Diraja Malaysia.

Kementerian telah menjalankan inisiatif Program DiPS (Didik, Pantau dan Serbu) ke atas premis-premis yang telah dikenalpasti di lokasi *hot-spot* yang menjadi tumpuan penjualan produk tidak berdaftar di seluruh negara. Ini bertujuan mengurangkan bekalan (*supply reduction*) dan membanteras penjualan produk kesihatan tidak berdaftar di pasaran secara terbuka.

Kementerian juga menjalankan pelbagai usaha pendidikan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai penggunaan produk kesihatan berdaftar melalui pameran, dialog awam, ceramah dan 'Kempen Kenali Ubat Anda' telah dijalankan di seluruh negara. Melalui kempen tersebut, maklumat berkaitan produk kesihatan / ubat – ubatan berdaftar disampaikan kepada pelbagai golongan masyarakat untuk menyedarkan masyarakat supaya lebih berhati-hati semasa membeli produk kesihatan di pasaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP  
[MERBOK ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO. 13**

Nyatakan senarai daerah-daerah yang belum mempunyai kompleks sukan terutamanya bagi daerah yang besar terdiri lebih dari dua parlimen dan apakah usaha Kementerian dalam melaksanakan dasar satu daerah satu kompleks sukan sebelum tahun 2020. Sejauh manakah dasar ini dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan buat masa ini hanya menumpukan usaha untuk menaiktaraf dan baikpulih kemudahan sedia ada atau membina baharu infrastruktur sukan mengikut keperluan secara berperingkat juga berdasarkan kepada kajian kemungkinan (*feasibility study*) sesuatu kawasan.
2. Dasar Sukan Negara turut menyatakan di bawah Objektif 5: Menyediakan kemudahan sukan bagi keperluan di semua peringkat , menyatakan :
  - i. Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab merancang kemudahan sukan peringkat negeri dan daerah dan memastikan keseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar. Di samping itu, penyediaan pelan-pelan pembangunan bandar baharu dan kawasan perumahan hendaklah mengambil kira kemudahan sukan dan penyelenggaraannya; dan
  - ii. Sektor swasta dan badan bukan Kerajaan digalakkan membantu dalam membina dan mengurus infrastruktur sukan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO. : 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU  
[TAMBUN]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018**

**SOALAN NO.15**

**Tuan Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [ Tambun ] meminta MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan hasil kajian WWF-Malaysia menunjukkan populasi Harimau Malaya semakin tergugat. Ancaman ini berpunca antaranya daripada pemburuan haram, terutamanya daripada pemburu dari negara jiran. Apakah tindakan segera yang diperlukan untuk menangani ancaman ini

## SOALAN NO.15

### JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sememangnya menyedari bahawa terdapatnya ancaman terhadap populasi spesies Harimau Malaya akibat aktiviti pemburuan haram.

Tindakan segera yang telah diambil adalah seperti berikut;

- a) Meningkatkan rondaan dan operasi secara berkala di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti menjadi “hot spot” bagi pemburu haram;
- b) Melakukan operasi mencari dan memusnahkan jerat yang dipasang oleh pemburu, di mana tahun 2018 telah diisytiharkan sebagai Tahun Memerangi Jerat;
- c) Menjalankan operasi bersepadu bersama Angkatan Tentera Malaysia bagi menangkap warga asing dan tempatan yang menceroboh kawasan perlindungan yang menjadi habitat harimau Malaya dan hidupan liar yang lain;
- d) Melaksanakan Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan (*National Tiger Conservation Action Plan*) pada tahun 2008. Pelan ini menggariskan strategi pemuliharaan Harimau

Malaya secara holistik dengan menyediakan tindakan khusus sehingga tahun 2020 bagi meningkatkan populasi harimau;

- e) Menjalankan kerjasama dengan NGO-NGO seperti *Malaysian Conservation Alliance for Tigers* (MYCAT) dari aspek penyelidikan, rondaan kawasan perlindungan dan penyaluran maklumat; dan
- f) Kerjasama agensi-agensi Negeri yang berkaitan dari segi penguatkuasaan, perlindungan kawasan dan penyelidikan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN  
[ NIBONG TEBAL ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN : 17**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan dasar serta strategi pelaksanaan membandarkan kawasan-kawasan luar bandar dan nyatakan program-program yang bakal dilaksanakan dalam usaha mempertingkatkan lagi kesejahteraan kehidupan penduduk luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan luar bandar merupakan agenda utama yang mencorak lanskap pembangunan negara semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan, bahkan ianya terus diberi perhatian setiap kali tempoh rancangan pembangunan negara dilaksanakan. Pembangunan yang lebih menyeluruh dan bersepadu antara bandar dan luar bandar ini amat penting agar masyarakat luar bandar tidak terpinggir dan ketinggalan berbanding masyarakat bandar dari segi kemudahan dan peluang ekonomi.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan pembangunan yang lebih seimbang antara luar bandar dan bandar, Kementerian telah melaksanakan pelbagai program pembangunan luar bandar bagi



menjadikan kawasan luar bandar yang kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan seperti yang dinikmati oleh penduduk di bandar.

Penekanan akan terus diberi kepada memperhebatkan penyediaan kemudahan infrastruktur asas dan aksesibiliti luar bandar dengan keutamaan kepada kawasan-kawasan yang masih kurang liputan terutamanya di Sabah dan Sarawak serta kawasan pedalaman di Semenanjung.

Disamping itu, fokus utama Kementerian ini juga bukan sahaja melibatkan pelaksanaan prasarana luar bandar seperti projek Jalan Luar Bandar serta Bekalan Elektrik dan Air Luar Bandar, bahkan penekanan turut diberikan kepada pelaksanaan program-program berkaitan pembangunan ekonomi, modal insan, keusahawanan, pendidikan, dan program-program lain yang dapat meningkatkan pendapatan dan mengurangkan beban kos sara hidup golongan miskin termasuk belia di luar bandar.

Antaranya seperti program-program keusahawanan, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Desa Lestari, Tabika KEMAS Berprestasi Tinggi, Program Pendidikan dan Latihan Vokasional (TVET), dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP).

Kementerian juga sedang mengkaji program-program yang baharu yang boleh diperkenalkan yang memberikan keutamaan kepada kawasan luar bandar di seluruh negara. Program-program ini yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk di luar bandar dengan mengambilkira iltizam didalam Buku Harapan di bawah Teras 3 iaitu 'Merencanakan Pertumbuhan Ekonomi Yang Adil dan Saksama'.

Selain itu, Kementerian juga dalam proses memuktamadkan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 dengan mengambilkira iltizam Buku Harapan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD**  
**[ MERSING ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [ Mersing ] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan :-**

- a) apakah bantuan atau insentif Kerajaan kepada pekebun kecil getah berikutan kejatuhan harga dan apakah usaha untuk menstabilkan harga komoditi ini; dan
- b) adakah Kementerian berusaha serta membuat kajian tanaman lain sebagai alternatif kepada kelapa sawit dan getah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin dan berusaha memelihara kebajikan pekebun-pekebun kecil getah dan penoreh-penoreh dengan menyediakan bantuan-bantuan seperti berikut:

- (i) melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) yang diaktifkan apabila purata harga di ladang untuk getah sekerap berada di bawah RM2.50 sekilogram;

- (ii) melaksanakan pemulangan ses getah yang telah dikutip oleh Pihak RISDA sebanyak 14 sen sekilogram kepada pekebun kecil getah. ketika harga purata getah bulanan SMR 20 FOB di bawah RM5.50 sekilogram. Bayaran ses ini akan disalurkan kepada pekebun kecil getah bersama-sama dengan IPG pada bulan berikutnya; dan
- (iii) melaksanakan penetapan harga di ladang dengan peruntukan sebanyak RM6.4 juta kepada koperasi sebagai modal pusingan untuk digunakan di dalam aktiviti urus niaga getah. Langkah ini dapat mengurangkan lapisan pembeli dan koperasi yang terlibat akan menawarkan harga pada purata RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram lebih tinggi berbanding pembeli getah berlesen.

Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan penggunaan getah asli yang boleh menstabilkan harga getah adalah seperti berikut:

- (i) menggunakan *cuplump* melalui teknologi *Cuplump Modified Bitumen* (CMB) dengan peruntukan kerajaan sebanyak RM100 juta pada tahun 2019;
- (ii) menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan mengkomersilkan produk-produk baharu berasaskan getah seperti *seismic bearing*, tayar mesra alam dan hijau berasaskan ekoprena, komponen getah automotif dan bahan seni visual berasaskan lateks yang bernilai tinggi; dan
- (iii) menjalinkan kerjasama dengan negara pengeluar utama getah seperti Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council (ITRC)* melalui pelaksanaan Skim Kuota Pengeksportan Yang Dipersetujui (*Agreed Export Tonnage Scheme - AETS*) dan *Supply Management Scheme*.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai usaha dan kajian Kementerian mencari tanaman lain sebagai alternatif kepada getah dan sawit pula, tindakan-tindakan berikut sedang dilaksanakan:

- (i) Program Penubuhan Ladang Hutan (PPLH) secara komersial dilancarkan dengan pemilihan beberapa spesies tempatan dan eksotik seperti jati, sentang, getah, khaya, akasia, batai, kelempayan, binuang dan buluh. Spesis-spesis ini akan dikaji kesesuaiannya dari semasa ke semasa, termasuk penambahan spesis baru seperti *Eucalyptus* bagi menggalakkan penanaman secara komersial sebagai tanaman alternatif;
- (ii) penanaman buluh juga merupakan tanaman yang berpotensi untuk menjadi tanaman alternatif. Sehingga kini, terdapat 61 buah syarikat yang telah meneroka pelbagai aktiviti dalam industri buluh, di mana 8 buah syarikat memberi tumpuan kepada produk yang berkaitan dengan pembinaan dan pertukangan serta seni bina;
- (iii) penanaman pokok Gaharu bagi menghasilkan produk-produk seperti aromaterapi, minyak wangi dan sebagainya. Industri dan perdagangan Gaharu di Malaysia semakin berkembang dengan usaha giat Kementerian dalam mempromosikan dan menggalakkan pertumbuhan industri ini. Ini boleh dilihat melalui prestasi eksport Gaharu pada tahun 2017 di mana ia telah mencatatkan nilai eksport sebanyak RM15.9 juta dan ini membuktikan tanaman Gaharu mampu menjadi tanaman alternatif kelak;
- (iv) Lembaga Koko Malaysia (LKM) juga sedang mengkaji dan menyelidik keserasian tanaman integrasi seperti koko dengan buah kristal, koko dengan buah-buahan, koko dengan getah dan koko dengan spesis kayu tertentu; dan
- (v) Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) berusaha untuk menarik minat pengusaha menanam kenaf pada keluasan yang lebih besar.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JONATHAN YASIN  
[RANAU]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO. 19**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan **harga-harga rumah yang tinggi dan semakin meningkat di Sabah menyebabkan rakyat berpendapatan rendah tidak mampu membeli rumah**. Berapa banyak rumah di bawah pembiayaan Persekutuan seperti Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Kos Rendah yang akan dibina di Sabah pada tahun 2019, di mana akan dibina dan berapakah peruntukan terlibat.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga November 2018, KPKT telah menyiapkan **29 projek (20,329 unit rumah) PPR di negeri Sabah** manakala **8 projek (5,120 unit rumah) PPR dalam peringkat pembinaan** yang dijadualkan siap dalam tempoh Disember 2018 sehingga tahun 2021. Selain itu sebanyak **3 projek (1,650 unit rumah) PPR masih dalam peringkat perancangan** di mana projek-projek ini dijangka akan dimulakan pelaksanaannya

## SOALAN NO : 19

pada tahun 2019. Secara keseluruhannya, sebanyak 40 projek (27,099 unit rumah) PPR dengan kos keseluruhan berjumlah RM 3,146,471,667.99 dilaksanakan di negeri Sabah. Dalam **Belanjawan 2019**, jumlah peruntukan yang disediakan bagi meneruskan pelaksanaan projek PPR di negeri Sabah ini adalah **RM 135,615,520.00**.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi tujuan membina lebih banyak PPR untuk membantu golongan berpendapatan rendah serta menangani isu setinggan khususnya di kawasan pinggir bandar, KPKT sangat mengalu-alukan syor dan cadangan tapak PPR yang bersesuaian dari pihak Ahli yang Berhormat melalui Kerajaan Negeri. Tapak yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan Negeri ini, akan dinilai berdasarkan garis panduan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Tapak milik Kerajaan Negeri adalah diberikan keutamaan untuk KPKT melaksanakan PPR ini secara tender terbuka mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan sekarang. Namun begitu, pelaksanaan pembangunan PPR ini, tertakluk kepada peruntukan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dengan memberikan keutamaan kepada lokasi-lokasi yang mempunyai bilangan setinggan serta permohonan rumah bagi golongan B40 yang tinggi seterusnya dapat memberi impak dan nilai untuk wang (*value for money*) kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SANTHARA  
[SEGAMAT]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN : 21**

**DATO' SERI DR. SANTHARA [SEGAMAT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah arah tuju Kerajaan dalam merombak Dasar Kerajaan (*affirmative action*) bagi kaum minoriti asal dan asli dalam memperkukuhkan dan memberansangkan khususnya dalam bidang ekonomi, pendidikan dan juga perjawatan dalam pekhidmatan Awam.

**JAWAPAN: YB. SENATOR WAYTHA MOORTHY,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan dalam memperkukuhkan dan memberansangkan pembangunan masyarakat Orang Asli khususnya dalam bidang ekonomi, pendidikan dan juga pembangunan modal insan. Ini adalah penting bagi memastikan masyarakat Orang Asli dapat seiring dengan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan. Melalui JAKOA Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program seperti digariskan dalam Pelan Strategik JAKOA 2016 -2020 yang menfokuskan 7 Teras Utama iaitu Pentadbiran Tanah, Kemudahan Prasarana, Modal Insan dan Kemahiran Belia, Ekonomi Mampan, Seni Budaya dan Warisan, Jaringan Keselamatan Sosial dan Sistem Penyampaian Perkhidmatan kepada masyarakat Orang Asli.

Dalam bidang ekonomi khususnya, masyarakat Orang Asli telah diberikan peluang dan kemudahan untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan, pertanian dan penternakan. Ini adalah penting bagi memastikan masyarakat Orang Asli dapat menjana sumber pendapatan dan seterusnya keluar dari garis kemiskinan. Bermula tahun 2011 sehingga tahun 2018 terdapat seramai 743 orang Usahawan Orang Asli telah dilahirkan melalui program JAKOA.

Untuk makluman Yang Berhormat , dari segi aspek pendidikan dan modal insan pula, Kerajaan telah memperkasakan program pembangunan modal insan iaitu seperti penyediaan kemudahan bantuan pendidikan dari



peringkat pra sekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi di dalam dan Luar Negara. Antara program-program yang dilaksanakan adalah Skim Bantuan Galakan Pendidikan Orang Asli dan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK). Bagi tahun 2018, terdapat seramai 958 pelajar Orang Asli yang sedang menuntut di Institut Pengajian Tinggi (IPTA/IPTS) dan seramai 87 orang lagi melanjutkan pelajaran di Luar Negara. Bagi program PLKK terdapat seramai 585 orang belia/beliawanis yang sedang menjalani program tersebut bagi tahun 2018.

Manakala bagi perjawatan dalam perkhidmatan awam, terdapat seramai 1,907 orang yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam bagi tahun 2018. Melalui pemerkasaan dasar melalui program pendidikan, pembangunan ekonomi dan modal insan dijangkakan lebih ramai masyarakat Orang Asli yang akan berkhidmat dalam sektor awam dan swasta pada masa hadapan.

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN NO. : 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [ KOTA  
SAMARAHAN ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018**

**SOALAN NO.22**

**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan projek-projek Kementerian untuk memastikan sistem perparitan dan saliran ditambah baik termasuklah menambah baik masalah ban-ban pecah serta mendap di kawasan Kota Samarahan.

## SOALAN NO.22

### JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, kerja-kerja penyelenggaraan sistem saliran di kawasan perbandaran adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan juga menyalurkan peruntukan mengikut keutamaan dan kawasan-kawasan yang kritikal berdasarkan permohonan daripada Negeri bagi penyelenggaraan sungai-sungai yang berisiko banjir.

Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran, telah diluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi kerja-kerja penstabilan tebing di Kampung Tambirat, Asajaya. Kerja-kerja kecemasan penstabilan benteng hakisan sungai di Kampung Tambirat, Asajaya dengan kos RM2.26 juta telah siap dilaksanakan pada 2 Mac 2018 manakala baki kerja berjumlah RM2.74 juta dalam peringkat reka bentuk.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH : 05 DISEMBER 2018

SOALAN :

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan mekanisma yang digunakan untuk menentukan gaji minima RM1,050 yang dilihat sangat tidak relevan dengan kos sara hidup hari ini.

PR-1412-L01548

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan memutuskan buat pertama kalinya untuk menyeragamkan kadar gaji minimum bagi seluruh negara pada kadar RM1,050 sebulan. Ini adalah sepertimana yang telah dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan semasa Pilihan Raya Umum ke-14. Kerajaan sedar ini memberi peningkatan sebanyak RM50 sahaja bagi Semenanjung Malaysia tetapi bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah persekutuan Labuan ianya memberi peningkatan yang tinggi iaitu sebanyak 14% atau RM130 sebulan.

2. Memandangkan Kerajaan baharu bertekad untuk menyeragamkan gaji minimum untuk seluruh negara, maka peningkatan yang terlalu mendadak bagi majikan bakal membawa implikasi yang besar. Ini memandangkan gaji minimum adalah gaji pokok, maka peningkatan gaji pokok yang tinggi juga bakal meningkatkan kos operasi syarikat kerana caruman kepada KWSP, PERKESO dan bayaran kerja lebih masa, bayaran kerja pada hari rehat, bayaran kerja pada hari cuti am dan sebagainya adalah berpaksikan kepada gaji pokok.

3. Maka buat masa sekarang pendekatan *balanced approach* diambil kira. Saya yakin dalam tempoh 5 tahun pentadbiran Kerajaan

Pakatan Harapan, kita akan berjaya meningkatkan gaji minimum kepada suatu kadar yang munasabah.

4. Di samping itu, kita sedia maklum bahawa 90% majikan-majikan di negara ini adalah terdiri daripada majikan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Dikhuatiri sebarang kenaikan gaji minimum yang mendadak boleh menjejaskan daya saing industri PKS di negara ini.

5. Sepertimana kita sedia maklum, dasar gaji minimum hanyalah salah satu dasar intervensi Kerajaan. Terdapat banyak dasar-dasar lain yang telah dan akan disediakan oleh Kerajaan bagi membantu rakyat terutamanya kumpulan B40 di negara ini.

6. Kesimpulannya, kadar gaji minimum yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu RM1,050 mulai 1 Januari 2019 hanyalah sebagai *floor wages* sahaja yang mana pekerja di sektor swasta tidak boleh dibayar gaji pokok kurang daripada kadar tersebut. Dengan itu, majikan dan pekerja atau kesatuan sekerja bebas untuk berunding bagi penetapan gaji pokok dan faedah-faedah lain yang lebih tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018**

**SOALAN : NO. 24**

**YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah pembayaran kepada kontraktor Bumiputera khususnya kelas F yang belum dibayar bagi projek-projek yang telah disiapkan sebelum Pilihan Raya Umum ke 14 (PRU 14).

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

---

Tuan Yang di-Pertua,

Projek-projek kecil yang telah siap dilaksanakan di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri kini dalam proses pembayaran. Bagi tuntutan yang telah lengkap, pembayaran akan diselesaikan segera sebelum tahun kewangan berakhir.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH**  
**[LEDANG]**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO. 25**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini Hospital Tangkak yang akan dinaik tarafkan di tapak baru di “new township” seperti mana dinyatakan Menteri di dalam hansard pada 1 Disember 2008.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) difahamkan terdapat cadangan berkaitan pewujudan *new township* (dengan izin) iaitu (bandar baru), di mana cadangan tersebut melibatkan pemindahan pusat pentadbiran sedia ada ke kawasan bandar baru yang terletak di kawasan Ledang. Pada masa tersebut, turut dimaklumkan bahawa perancangan bandar baru itu juga melibatkan penyediaan sebuah tapak bagi pembinaan sebuah hospital baru oleh pihak pemaju. Setakat ini, KKM belum menerima sebarang cadangan bagi pembinaan hospital tersebut



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH  
[PAYA BESAR]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018**

**SOALAN NO.27**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini jawatankuasa untuk mengkaji Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU), adakah terdapat pindaan terhadap akta tersebut. Sekiranya kerajaan berhasrat menggantikan akta tersebut dengan akta baharu, bilakah jangkaan tempoh masa akta baharu tersebut akan dibentangkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja yang berperanan untuk menyediakan input dan draf kandungan baru bagi menggantikan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) menjelang tahun 2020, menyelaras laporan berkala dan pembentangan kepada Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Pemansuhan dan Pindaan AUKU.

Manakala Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Pemansuhan dan Pindaan AUKU pula berperanan sebagai menyelaras, mengkaji dan menyemak peruntukan berkaitan yang terdapat dalam AUKU secara menyeluruh dan mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Induk. Kesemua ahli Jawatankuasa ini dianggotai oleh ahli akademik, bukan akademik, penasihat undang-undang, wakil pelajar dan wakil persatuan yang merupakan pemegang taruh universiti awam dan swasta.

Bagi pelaksanaan jangka pendek (*quick win*), KPM telah bersetuju untuk membatalkan peruntukan yang menghalang pelajar terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus dan pindaan tersebut akan dibentangkan di Parlimen pada bulan Disember 2018.

Pindaan AUKU ini dilaksanakan bersekali dengan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] dan Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 [Akta 174] yang mempunyai peruntukan sama dan terpakai kepada Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institut Perguruan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJAH ROHANI  
BINTI HAJI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO. 29**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengenai **pasukan bomba sukarela yang telah ditubuhkan di kawasan-kawasan pedalaman** dan jauh dari stesen bomba dan berapa banyak pasukan ini di seluruh negara dan di mana. **Adakah pasukan ini berkesan** dan bagaimana untuk memperbaiki perkhidmatan ini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Pasukan Bomba Sukarela memainkan peranan sangat penting di negara ini terutama dalam **memberikan perlindungan kebakaran dan penyelamatan di kawasan-kawasan luar bandar yang jauh dari balai bomba**. Kewujudan mereka amat berkesan kerana **berjaya memendekkan 'response time'** apabila berlaku kecemasan. Di samping itu, pasukan ini turut menjadi ejen untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keselamatan kebakaran.

2. Pada masa ini, terdapat **386 Pasukan Bomba Sukarela yang telah ditubuhkan** dengan keanggotaan seramai **14,508 ahli** di seluruh negara. Pasukan Bomba Sukarela ditubuhkan di setiap negeri dengan **Sarawak mencatat penubuhan pasukan yang tertinggi iaitu 47 pasukan**, diikuti Kedah sebanyak 46 pasukan. Pecahan pasukan di seluruh negara adalah seperti berikut :

| <b>Bil.</b>   | <b>Negeri</b>   | <b>Pasukan</b> | <b>Keahlian</b> |
|---------------|-----------------|----------------|-----------------|
| 1             | Perlis          | 10             | 321             |
| 2             | Kedah           | 46             | 1,518           |
| 3             | Pulau Pinang    | 36             | 1,690           |
| 4             | Perak           | 44             | 1,958           |
| 5             | Selangor        | 27             | 892             |
| 6             | WP Kuala Lumpur | 9              | 185             |
| 7             | Negeri Sembilan | 18             | 545             |
| 8             | Melaka          | 7              | 240             |
| 9             | Johor           | 27             | 819             |
| 10            | Pahang          | 35             | 1665            |
| 11            | Kelantan        | 20             | 700             |
| 12            | Terengganu      | 12             | 322             |
| 13            | Sarawak         | 47             | 2,147           |
| 14            | Sabah           | 43             | 1,398           |
| 15            | WP Labuan       | 5              | 108             |
| <b>Jumlah</b> |                 | <b>386</b>     | <b>14,508</b>   |

3. Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif bagi menggalakkan penyertaan orang awam sebagai ahli Pasukan Bomba Sukarela antaranya:

- a) **Skim Insurans Takaful Berkelompok** kepada Pasukan Bomba Sukarela melibatkan peruntukan sebanyak **RM1.28 juta setahun**;
- b) **Geran Bantuan Tahunan** kepada setiap Pasukan Bomba Sukarela sebanyak **RM3,000.00** bagi membantu pengurusan pasukan;
- c) Menyediakan ***Personal Protective Equipment*** (PPE) kepada Pasukan Bomba Sukarela seperti **baju api, helmet, gloves dan but**;
- d) Menyediakan **Jentera Bomba Sukarela** bertujuan membantu operasi pemadaman dan penyelamatan. Sehingga kini 249 pasukan telah dilengkapi dengan jentera tersebut manakala baki 137 pasukan akan dibekalkan **secara berperingkat**. Turut dibekalkan adalah peralatan seperti **hos, pam angkut dan nozel**; dan
- e) Memberi **latihan secara berjadual** kepada Pasukan Bomba Sukarela.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN : 30**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah hala tuju Kementerian dalam memastikan pembekalan air bersih dan elektrik dinikmati oleh seluruh rakyat pedalaman dan luar bandar terutamanya di negeri Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited di dalam memperluaskan liputan bekalan air bersih dan bekalan elektrik ke kawasan pedalaman dan luar bandar di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), anggaran siling yang diluluskan bagi bekalan air terawat dan bekalan elektrik di negeri Sarawak adalah sebanyak RM4.45 billion dengan pecahan seperti berikut:-

| BIL. | PROGRAM                             | SILING RMK-11<br>(RM billion) | PERBELANJAAN<br>(RMK-11)<br>(2016-2018) |
|------|-------------------------------------|-------------------------------|-----------------------------------------|
| i.   | Bekalan Air Luar Bandar (BALB)      | 2.96                          | 376.64 juta                             |
| ii.  | Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) | 1.49                          | 1.059 billion                           |
|      | <b>JUMLAH</b>                       | <b>4.45</b>                   | <b>1.435 billion</b>                    |

Untuk makluman Yang Berhormat juga, hala tuju Kementerian adalah seiring dengan hala tuju Kerajaan Negeri Sarawak bagi memastikan setiap penduduk mendapat bekalan air bersih dan terawat secara berterusan serta bekalan elektrik selama 24 jam.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek pada setiap tahun adalah berdasarkan senarai keutamaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri seperti Kementerian Utiliti Sarawak dan agensi lain yang terlibat seperti Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak dan Sarawak Energy Berhad (SEB). Pelaksanaan setiap projek juga berpandukan skop dan kriteria pelaksanaan program Bekalan Air Luar Bandar dan Bekalan Elektrik Luar Bandar di bawah Kementerian ini serta tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI  
[ SIBUTI ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO. 31**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah **jumlah wang yang perlu dibelanjakan oleh pihak Kerajaan bagi pengurusan sisa plastik** dan apakah situasi semasa pencemaran botol plastik di perairan laut dan sungai di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah menyalurkan peruntukan kepada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) sebanyak **RM1.45 bilion bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam** dan **RM80.85 juta bagi operasi fasiliti pada tahun 2018**. Berdasarkan *Survey on Solid Waste Composition, Characteristics and Existing Practice of Solid Waste Recycling in Malaysia* (2012), sisa plastik menyumbang sebanyak 13.2% daripada keseluruhan penajaan sisa di Malaysia. Oleh itu, dianggarkan sebanyak **RM161.794 juta telah dibelanjakan oleh KPKT untuk pengurusan sisa plastik di Malaysia bagi tahun 2018**.



2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, situasi semasa pencemaran botol plastik di perairan laut dan sungai di Malaysia adalah di luar bidang kuasa KPKT. Menurut sumber yang dikemukakan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS), terdapat 51 batang sungai yang dikategorikan sebagai tercemar di seluruh Malaysia berdasarkan kepada program pengawasan kualiti air sungai yang dilaksanakan oleh JPS pada tahun 2017. Pembuangan sisa dan sampah sarap oleh pihak yang tidak bertanggungjawab merupakan antara punca yang menyebabkan pencemaran dan kemerosotan kualiti air sungai.
3. Selain itu, sumber daripada Jabatan Pengairan dan Saliran juga memaklumkan bahawa sisa plastik adalah bahan sisa pepejal kedua tertinggi yang menjadi punca kepada pencemaran sungai di Lembah Klang. Dalam hal ini, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk mengawal pembuangan sisa plastik ke sungai-sungai mahupun lautan. Saya ingin menyeru di dalam Dewan yang mulia ini agar semua pihak dapat meningkatkan amalan kitar semula terutamanya bagi botol-botol plastik, menjadikan amalan membawa beg guna semula ketika membeli belah untuk mengurangkan penggunaan plastik di samping melibatkan diri dengan aktiviti pembersihan pantai bagi memastikan pembuangan sisa plastik dapat dikurangkan dan kelestarian alam sekitar terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L M  
PARAMESWARAN [BATU]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO. 14**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian menetapkan **garis panduan kepada setiap pemaju perumahan** agar setiap projek yang akan dibangunkan **tidak akan mengakibatkan bencana** seperti banjir kilat di kawasan sekelilingnya.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyediakan peraturan dalam bentuk undang-undang, garis panduan dan pekeliling berkaitan dengan kawalan pembangunan sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Peraturan-peraturan ini bertujuan untuk memastikan projek termasuk projek pembangunan yang dibangunkan tidak mengakibatkan bencana seperti banjir kilat di kawasan sekeliling. Selain itu, peraturan tersebut juga mengambil kira aspek-aspek keselamatan, kesejahteraan awam dan kelestarian alam sekitar. Peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh pemaju perumahan sebelum sesuatu projek pembangunan dilaksanakan adalah:

- (i) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133);
- (ii) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
- (iii) Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984); dan
- (iv) Pekeliling berkaitan syor-syor Kawalan Pembangunan di Kawasan Banjir kepada PBT.
- (v) Mematuhi Manual Saliran Mesra Alam (MASMA).

2. PBT juga dinasihatkan tidak meluluskan apa-apa pembangunan di kawasan berisiko bencana. PBT perlu memastikan pemaju mematuhi syarat-syarat agensi teknikal seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan lain-lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN**  
**[PADANG BESAR]**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO. 33**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) Apakah manfaat yang diperoleh dari Skim Perlindungan Kesihatan B40 dalam mendapatkan khidmat rawatan kesihatan yang berkualiti; dan
- (b) Apakah jaminan Kementerian terhadap Skim Perlindungan Kesihatan B40 ini tidak akan menghadapi masalah kekangan kewangan dalam tempoh jangka masa panjang.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Skim Perlindungan Kesihatan (PeKa) yang diumumkan dalam Belanjawan 2019 adalah skim **Peduli Kesihatan bagi kumpulan B40** atau nama ringkasnya **PeKa B40 untuk dilaksanakan di** peringkat nasional, bagi yang berumur 50 tahun dan ke atas.

Fokus utama manfaat skim PeKa B40 ini adalah saringan kesihatan di peringkat perkhidmatan kesihatan primer untuk pencegahan penyakit tidak berjangkit (*Non Communicable Diseases- NCD*) (dengan izin), melalui jalinan kerjasama antara kerajaan dan klinik swasta. Selain itu, ianya turut melibatkan saringan pengesanan beberapa jenis kanser serta saringan untuk penyakit mental. Di samping saringan kesihatan, ada tiga lagi manfaat lain yang diberikan kepada penerima iaitu bantuan pembelian alat perubatan, bantuan kos pengangkutan dan insentif setelah melengkapkan rawatan kanser.

PeKa B40 dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan di mana sebanyak RM100 juta telahpun diperuntukkan sebagai permulaan seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Kewangan. PeKa B40 akan bermula sebagai projek perintis pada tahun 2019. Bajet tambahan akan dimohon kemudian mengikut keperluan jangka masa panjang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018**

**SOALAN : 36**

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan statistik jenayah indeks dan jenayah  
bukan indeks mengikut negeri dan Kawasan Parlimen.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Dalam mengukur kes jenayah yang berlaku dalam negara, pihak PDRM telah membahagikan kejadian jenayah kepada dua kategori iaitu Jenayah Indeks dan Jenayah Bukan indeks. Bagi maksud “Jenayah Indeks” adalah jenayah yang kerap di laporkan dan mempunyai signifikasi yang memadai untuk dianggap sangat mustahak sebagai petunjuk kepada keadaan jenayah. Jenayah bukan indeks pula adalah jenayah yang dilaporkan selain dari jenayah indeks. Statistik jenayah indeks bagi seluruh negara bagi tahun 2015 sehingga September 2018 seperti berikut:-

| BIL | NEGERI          | TAHUN 2015     |               | TAHUN 2016     |               | TAHUN 2017    |               | TAHUN 2018<br>(JAN - SEPT) |               | JUMLAH         |                |
|-----|-----------------|----------------|---------------|----------------|---------------|---------------|---------------|----------------------------|---------------|----------------|----------------|
|     |                 | INDEKS         | BUKAN INDEKS  | INDEKS         | BUKAN INDEKS  | INDEKS        | BUKAN INDEKS  | INDEKS                     | BUKAN INDEKS  | INDEKS         | BUKAN INDEKS   |
| 1   | Johor           | 13,480         | 12,622        | 12,941         | 13,109        | 11,307        | 12,789        | 7,689                      | 9,058         | 45,417         | 47,578         |
| 2   | Kedah           | 7,817          | 5,714         | 7,440          | 5,492         | 6,759         | 4,712         | 4,558                      | 3,070         | 26,574         | 18,988         |
| 3   | Kelantan        | 5,031          | 3,663         | 4,548          | 4,084         | 4,520         | 3,815         | 2,971                      | 2,686         | 17,070         | 14,248         |
| 4   | Kuala Lumpur    | 15,946         | 8,640         | 16,989         | 9,861         | 13,482        | 9,631         | 9,413                      | 5,918         | 55,830         | 34,050         |
| 5   | Melaka          | 2,948          | 1,164         | 3,664          | 1,479         | 3,097         | 1,627         | 2,116                      | 1128          | 11,825         | 5,398          |
| 6   | Negeri Sembilan | 4,787          | 3,099         | 4,474          | 3,036         | 3,973         | 3,405         | 2,726                      | 2,899         | 15,960         | 12,439         |
| 7   | Pahang          | 4,257          | 2,964         | 3,777          | 2,841         | 3,607         | 2,607         | 2,614                      | 2,140         | 14,255         | 10,552         |
| 8   | Perak           | 6,228          | 4,058         | 5,841          | 4,820         | 5,326         | 4,611         | 3,791                      | 2,780         | 21,186         | 16,269         |
| 9   | Perlis          | 741            | 662           | 655            | 769           | 603           | 630           | 382                        | 434           | 2,381          | 2,495          |
| 10  | Pulau Pinang    | 6,698          | 4,486         | 6,116          | 4,674         | 5,551         | 3,677         | 3,767                      | 2,703         | 22,132         | 15,540         |
| 11  | Sabah           | 5,176          | 7,175         | 5,367          | 6,582         | 6,236         | 5,526         | 4,475                      | 3,908         | 21,254         | 23,191         |
| 12  | Sarawak         | 7,230          | 3,235         | 6,826          | 3,278         | 6,381         | 3,812         | 4,247                      | 3,624         | 24,684         | 13,949         |
| 13  | Selangor        | 32,547         | 17,383        | 31,222         | 14,603        | 26,069        | 12,746        | 16,405                     | 8,883         | 106,243        | 53,615         |
| 14  | Terengganu      | 2,659          | 1,647         | 2,494          | 1,326         | 2,257         | 1,421         | 1314                       | 900           | 8,724          | 5,294          |
|     | <b>JUMLAH</b>   | <b>115,545</b> | <b>76,512</b> | <b>112,354</b> | <b>75,954</b> | <b>99,168</b> | <b>71,009</b> | <b>66,468</b>              | <b>50,131</b> | <b>393,535</b> | <b>273,606</b> |

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [ Tumpat ]**

**TARIKH : 5 Disember 2018**

**SOALAN NO.37**

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**apakah  
status program MyBeras kepada golongan miskin sepertimana  
dirancang Kerajaan dahulu dalam usaha untuk meringankan beban  
mereka.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Program MyBeras tidak dilaksanakan kerana Kerajaan mendapati  
bantuan seumpama ini sedang dilaksanakan melalui pelbagai  
Jabatan dan Agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan  
bantuan di bawah Program Bantuan Sara Hidup.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ZAKARIA B. MOHD. EDRIS @ TUBAU  
(LIBARAN)**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018**

**SOALAN : 38**

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [ Libaran ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah-langkah drastik diambil untuk memperkukuhkan kawalan keselamatan di kawasan pantai timur Sabah, berikutan berulang kembali kejadian penculikan oleh kumpulan bersenjata dari selatan negara jiran.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Keadaan keselamatan di Kawasan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZone) adalah dalam keadaan terkawal dan operasi bersepadu di kalangan agensi penguatkuasa berterusan seperti biasa. Sejak ESSCOM ditubuhkan tiada lagi insiden pencerobohan berlaku sehinggalah insiden penculikan dua (2) warga Indonesia di perairan Pulau Bodgaya, Semporna pada 11 September 2018.

Fungsi ESSCOM telah bertambah kepada usaha membanteras jenayah rentas sempadan seperti penculikan oleh kumpulan *Kidnap For Ransom Group* (KFRG) dan juga penyeludupan pendatang asing tanpa izin (PATI).

Ancaman Kumpulan Abu Sayyaf juga semakin terkawal dengan tekanan oleh Pasukan Keselamatan Filipina ke atas kedudukan mereka yang berpangkalan di Sulu dan Basilan. Sejak Januari 2018, seramai 123 orang pengikut dan pemimpin Abu Sayyaf Group (ASG) menyerahkan diri kepada kerajaan Filipina.

Kerajaan sentiasa prihatin dan komited dalam menjaga kedaulatan dan keselamatan negara daripada sebarang ancaman dan mara bahaya. Kewujudan ESSCOM telah memberi impak positif terhadap tahap keselamatan di pantai timur Sabah dengan penurunan kadar jenayah rentas sempadan berbanding sebelum ini. ESSCOM merangka pendekatan yang lebih holistik dan bersepadu bagi memperkemaskan bentuk kawal selia di perairan ESSZone. Antaranya termasuklah:

- i. memperkukuhkan penempatan Pasukan Keselamatan di daratan sepanjang ESSZone khususnya di kawasan laluan berisiko tinggi yang telah dikenal pasti;

- ii. mengatur gerak aset laut di sepanjang perairan ESSZone, khususnya yang berdepan dengan laluan-laluan yang dikenal pasti bagi mewujudkan visual *presence and deterrence*;
- iii. mengatur gerakan pasukan khas (*special force*) dan *quick response force* ke lokasi-lokasi strategik untuk tindak cepat di samping memperaga kehadiran;
- iv. mengatur gerak vesel yang dilengkapi dengan sistem pengawasan radar, radar *point defence* dari 3 buah pulau, sistem kamera jarak jauh, dan pengawasan pesawat udara;
- v. perkongsian maklumat dan risikan di peringkat taktikal dan operasi baik secara intra-agensi dan juga dengan pasukan perisikan Filipina;
- vi. melaksanakan operasi-operasi di darat dan laut sebagai usaha pencegahan dan sebagai memperaga kehadiran (*show of force*);
- vii. melancarkan operasi-operasi khas menggasak sarang-sarang penjenayah dan tali barut Abu Sayaf Group (ASG) dari semasa ke semasa;
- viii. memastikan semua bot nelayan dan *tugboat* memasang *Automatic Identification System* (AIS) dan alatan komunikasi;
- ix. melaksanakan Arahan Perintah Berkurung terhadap 10 daerah ESSZone iaitu dari pukul 6 petang hingga 6 pagi;
- x. memberikan taklimat keselamatan kepada orang awam termasuklah penduduk kampung di kawasan terpencil dan berdekatan laut, pemilik-pemilik resort dan chalet, pemilik restoran dan juga pemilik premis perniagaan yang berisiko tinggi; dan

- xi. sentiasa mengkaji semula strategi dan kesesuaian operasi keselamatan dan juga kelengkapan yang sedia ada untuk penambahbaikan pada masa akan datang.

Kerajaan melalui Kerjasama Keselamatan dengan negara jiran seperti kerjasama *Trilateral Cooperation Agreement* (TCA - INDOMALPHI ) antara Pasukan Keselamatan Malaysia, Indonesia dan Filipina dan juga kerjasama Bilateral antara Malaysia dan Filipina, Malaysia dengan Indonesia dan lain-lain sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

ESSCOM telah mengadakan beberapa siri pertemuan dan melaksanakan program RV *Trilateral Maritime Patrol* (TMP) dan telah dianjurkan lebih 13 kali untuk tahun 2018. Antara aktiviti dan kerjasama yang dilaksanakan adalah perkongsian maklumat semasa terutamanya yang melibatkan aktiviti *Kidnapping for Ransom* (KFR) dan Abu Sayyaf Group (ASG) di sempadan perairan Malaysia- Filipina.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KE-14,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SIVARRAAJH CHANDRAN**  
**[ CAMERON HIGHLANDS ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

Apakah status Program Amanah Saham 1Malaysia (AS1M) dan TEKUN. Adakah program ini akan diteruskan oleh Kerajaan bagi membantu kaum India keluar dari kepompong kemiskinan terutamanya golongan B40.

**JAWAPAN: YB SEN. WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Amanah Saham 1Malaysia (AS1M) telah dibuka untuk langganan bermula pada 29 Januari 2018 dengan peruntukan 1.5 bilion unit dan adalah khas untuk meningkatkan ekuiti di kalangan kumpulan M40 dan T20 masyarakat India.

Sehingga September 2018, pemegang akaun bagi AS1M adalah berjumlah 85,768 dengan jumlah unit pelaburan 534.04 juta unit. Sehubungan itu, terdapat baki saham sebanyak 965.96 juta unit yang masih belum dilanggan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, nama AS1M yang baharu ialah Amanah Saham Malaysia 3 atau ASM3.

TEKUN merupakan program Kerajaan untuk membantu usahawan-usahawan yang ingin menceburi bidang perniagaan. Ianya merupakan

pinjaman secara bayaran balik bagi menggalakkan rakyat Malaysia menceburi bidang perniagaan.

Melalui *Indian Community Entrepreneur Development Scheme* (SPUMI) di bawah TEKUN, SEDIC akan terus memastikan masyarakat India mendapat kemudahan pinjaman daripada TEKUN. Walau bagaimanapun, pemohon perlulah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk layak menerima pinjaman ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS  
[ JELEBU ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018**

**SOALAN NO.40**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian untuk menyeimbangkan kemasukan pelajar lelaki dengan pelajar perempuan di Institut Pengajian Tinggi Awam di masa akan datang sekali gus merapatkan jurang yang terlalu ketara di sesetengah universiti.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa peka dan prihatin dalam memastikan akses pendidikan tinggi kepada semua pelajar dalam proses pemilihan pelajar ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) serta tidak pernah mendiskriminasikan mana-mana pelajar mengikut jantina untuk melanjutkan pelajaran mereka di peringkat lebih tinggi.

Pada masa kini, dasar pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA dibuat berasaskan sistem meritokrasi dengan mengambil kira 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum tanpa mewujudkan elemen diskriminasi jantina.

Pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh KPM untuk meningkatkan kadar penyertaan pelajar dalam permohonan UPUOnline dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran. Pada tahun 2018 KPM telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Karnival Pendidikan Tinggi Negara dengan tagline “Jom Masuk IPT” di 16 zon melibatkan semua negeri untuk meningkatkan kesedaran semua tidak kira jantina agar tidak ketinggalan dalam mendapat maklumat berkenaan permohonan UPUOnline. KPM juga telah melaksanakan Program Outreach Jelajah UPU 2018 untuk memberi tumpuan kepada kumpulan fokus dalam menyebar luas peluang pendidikan tinggi dan pembaharuan-pembaharuan dalam permohonan UPUOnline. Di samping itu, program berkenaan juga bertujuan untuk memudahkan dan membantu pelajar dalam sesi konsultasi serta bimbingan dalam membuat pilihan yang tepat dalam permohonan kemasukan ke IPTA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA**  
**MERICAN**  
**KAWASAN : KEPALA BATAS**  
**TARIKH : 5 DISEMBER 2018**

**SOALAN**

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan kesan terkini perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China kepada ekonomi Malaysia.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2018, nilai dagangan Malaysia berkembang sebanyak 6% kepada RM1.2 trillion berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2017. Ini disumbang oleh nilai eksport melalui peningkatan sebanyak 6.3% kepada RM650.6 billion, manakala nilai import pula agak perlahan pada kadar 5.6% kepada RM580.1 billion. Bagi tempoh ini, Malaysia mencatatkan lebih dagangan sebanyak RM70.5 billion iaitu peningkatan sebanyak 11.9%.
2. Bagi perdagangan dua hala pula, nilai dagangan dengan RRC bagi 8 bulan pertama 2018 berkembang 9.6% kepada RM206.19 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Eksport ke RRC mengukuh sebanyak 11% kepada RM89.31 bilion.

## SOALAN NO : 41

3. Bagi dagangan dua hala dengan Amerika Syarikat, bagi tempoh Januari – Ogos 2018, nilai dagangan adalah sebanyak RM101.50 bilion, menurun sebanyak 1.5% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2017. Walaubagaimanapun, eskport Malaysia ke AS meningkat sebanyak 1.2% kepada RM59.18 bilion manakala import dari AS menurun 5% kepada RM42.32 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

4. Bagi prestasi pelaburan pula, secara dasarnya, Malaysia sentiasa menjadi antara destinasi pelaburan utama bagi pelabur-pelabur asing. Kedudukan Malaysia yang strategik serta persekitaran perniagaan yang kondusif menyebabkan Malaysia terus dilihat sebagai sebuah negara yang kompetitif dan berdaya saing.
5. Setakat suku kedua 2018, kedudukan pelaburan langsung asing (FDI Stock) [dengan izin] telah direkodkan sebanyak RM590 juta. Ini merupakan peningkatan sebanyak 6%, berbanding tempoh yang sama tahun lalu.
6. Daripada petunjuk-petunjuk ini, kita melihat kesan-kesan ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China kepada Malaysia masih di tahap terkawal dengan pertumbuhan perdagangan yang kekal positif.
7. Walau bagaimanapun, kita tidak harus berasa selesa dengan keadaan ini kerana jika keadaan konflik ini berlarutan, impak jangka panjang mungkin akan menjejaskan perdagangan Malaysia dan keadaan ekonomi secara amnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
(TUARAN)**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2018**

**SOALAN : 42**

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk melaksanakan kesemua rekomendasi dalam RCI mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin di Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Menyusuli Laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang sentiasa fokus dalam menangani isu keberadaan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dengan pelaksanaan usaha-usaha seperti berikut:-

1. Menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta pengusiran ke atas pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah melalui Operasi Bersepadu yang melibatkan beberapa agensi iaitu Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Sabah, *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Kesungguhan JKPWAS untuk mengatasi isu PATI ini dapat dilihat melalui jumlah pengusiran yang dilaksanakan bermula dari tahun 1990 sehingga 3 September 2018 yang berjumlah seramai 573,720 orang;

2. Kedua, kerjasama dengan Kedutaan Filipina bagi memastikan pihaknya mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan (*Travel Documents-TD*) kepada tahanan yang hendak diusir ke negara asal. Kerjasama ini menghasilkan impak positif dan dokumen tersebut dapat dikeluarkan dalam tempoh 2 hingga 3 minggu berbanding tempoh 2 hingga 3 bulan sebelum ini semenjak pelaksanaannya pada Januari 2016;
3. Ketiga, JKPWAS melalui Jawatankuasa Kecil Sosial dan Komunikasi Induk juga memainkan peranan dalam menyelaraskan program kesedaran dan melaksanakan hebahan program serta aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan/Agensi antara lainnya adalah seperti ESSCOM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Penerangan Negeri Sabah berhubung isu-isu berkaitan pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah dan memberi penerangan kepada masyarakat bahawa usaha-usaha penguatkuasaan terhadap PATI sentiasa diutamakan; dan
4. Keempat, pihak Kerajaan telah memperkenalkan penggunaan terma 'Rekod Kelahiran' bagi dokumen pendaftaran kelahiran Bukan Warganegara di Sabah yang telah berkuat kuasa pada 15 September 2015 yang bertujuan untuk membezakan dengan jelas dokumen pendaftaran kelahiran bagi Warganegara dan Bukan Warganegara di Sabah. Oleh itu, terma 'Sijil Kelahiran' pada dokumen pendaftaran negeri Sabah hanya akan dikhususkan kepada Warganegara sahaja.